

19 JUL 1999

Dewan-media

LAPORAN MEDIA JADI ISU PADA SIDANG DEWAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 19 Julai (Bernama) -- Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan hari ini menjadi medan kepada wakil rakyat Pas untuk melahirkan rasa tidak puas hati mereka berhubung tindakan media massa tempatan yang didakwa membuat laporan bercorak negatif dan tidak benar mengenai Pas dan kerajaan negeri Kelantan.

Rasa kurang senang wakil rakyat Pas itu disuarakan oleh beberapa wakil Pas termasuk Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Permulaan sidang itu pagi ini turut "tercemar" apabila krew TV3 tidak dibenarkan memasuki kawasan Kota Darul Naim, -- pusat pentadbiran utama kerajaan negeri yang juga terletak Dewan Undangan Negeri Kelantan, bagi membuat liputan persidangan DUN.

Wartawan Bernama yang turut menyaksikan pengawal keselamatan di pos kawalan utama di pintu masuk Kota Darul Naim, menghalang tiga krew stesen TV itu bersama kenderaan rasmi mereka daripada memasuki pusat itu dan sebaliknya mengarahkan mereka berpatah balik atas alasan "mendapat arahan daripada orang atasan".

Bagaimanapun media lain tidak terlibat dalam arahan itu.

TV3 sebelum ini turut dihalang membuat liputan ceramah Pas yang dihadiri oleh presidennya Datuk Fadzil Noor dan Nik Aziz di Pulai Chondong, Machang pada 5 Jun lepas.

Semasa sesi soal jawab persidangan DUN, Nik Aziz pula memberitahu persidangan dewan bahawa beliau kecewa dengan sikap media massa tempatan yang didakwanya memutar belitkan fakta dan kenyataannya semata-mata untuk "menyerang" beliau.

Sambil memberi contoh, beliau berkata ini berlaku semasa beliau menyarankan kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi meringankan tanggungjawab wanita, beberapa bulan lepas.

"Saya dukacita dengan laporan media massa, saya cuma minta (UUM) kaji bagaimana tanggungjawab wanita bekerja boleh diringankan (tetapi) media pusing kata saya minta UUM buat kajian (larang wanita bekerja).

"Sejak itu saya diserang berterusan dan serangan itu hanya dihentikan apabila Pas mengeluarkan keratan akhbar kenyataan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) yang pernah mencadangkan wanita berhenti kerja," katanya.

Nik Aziz berkata ekoran tindakan media tempatan itu beliau telah hilang kepercayaan terhadap kredibiliti akhbar serta enggan lagi membaca akhbar.

"Lain yang cakap, lain yang keluar, saya tak baca akhbar dah sekarang," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Masyarakat, Hal Ehwal Wanita dan Hubungan Kaum Hassan Muhamad turut mempersoalkan media tempatan yang didakwanya sengaja cuba memburuk-burukkan pentadbiran Pas Kelantan.

Katanya, laporan yang bersifat "menggelirukan" itu berlaku apabila media tempatan membesar-besarkan isu kemiskinan di Kelantan baru-baru ini.

Ketika ditemui di luar dewan, Nik Aziz turut menyalahkan wartawan ekoran timbulnya laporan baru-baru ini bahawa berlaku keretakan hubungan antara beliau dan Timbalan Menteri Besar Kelantan Abdul Halim Abdul Rahman.

"Tak pasal-pasal timbul masalah, fitnah perpecahan, dia kena ingat tidak akan masuk syurga orang yang suka melaga-lagakan orang. Wartawan ini satu bahagian daripada kerja manusia,"

"Kalau dia betulkan keadaan dia boleh masuk syurga dengan jadi

wartawan, apa fikiran dia cari bidang nak laga-lagakan orang. Dia kena ingat masa depan dia neraka, kalau saya tak maaf," katanya.

Pada persidangan itu, Nik Aziz sekali lagi mengeluarkan kenyataan "kontroversi" apabila beliau membayangkan kemungkinan mengambil wanita "kurang rupawan" berbanding yang "rupawan" sebagai kakitangan kerajaan negeri selaras dengan dasar membenarkan wanita terus bekerja.

Nik Aziz dalam nada berseloroh berkata beliau telah "berbisik" dengan pegawainya berhubung perkara itu.

Beliau yang tidak mengulas lanjut berhubung perkara itu berkata demikian semasa menjawab soalan Datuk Mohamad Rozali Isohak (BN-Dabong) berhubung dasar kerajaan negeri terhadap isu membenarkan wanita bekerja.

Nik Aziz berkata kerajaan tidak mengamalkan diskriminasi terhadap wanita dan sebaliknya memberi pengiktirafan dengan memberi cuti bersalin selama 60 hari serta cuti mingguan dua hari bagi membolehkan golongan itu memberi tumpuan pada keluarga.

-- BERNAMA

BD RAR RI